

D.R. 41/90

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba Tajuk ringkas. (Pindaan) 1990.

2. Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan sebelum takrif "kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran" takrif baru yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 341.

' "Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba yang ditubuhkan di bawah seksyen 48A;'

3. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (2)- Pindaan seksyen 48.

(a) dengan memotong perkataan "dan" di penghujung perenggan (e); dan

(b) dengan menggantikan tanda noktah di penghujung perenggan (f) dengan perkataan-perkataan "; dan"

dan memasukkan selepas itu perenggan baru (g) yang berikut;

" (g) semua jumlah wang yang disumbangkan oleh Kerajaan."

Seksyen baru
48A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen baru 48A yang berikut;

"Jawatan-
kuasa
Kumpulan
Wang
Kebajikan
Jabatan
Perkhid-
matan
Bomba.

48A. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Kumpulan Wang Jabatan Perkhidmatan Bomba yang hendaklah mempunyai kawalan ke atas Kumpulan Wang.

(2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut:

- (a) Ketua Pengarah sebagai Pengerusi;
- (b) dua Pegawai Kanan Bomba yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (c) dua pegawai awam yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Tiada mesyuarat Jawatankuasa boleh diadakan tanpa kehadiran Ketua Pengarah.

(4) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa adalah tiga.

(5) Tertakluk kepada Akta ini, Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia prosidingnya."

Pindaan
seksyen 49.

5. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda —

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Kawalan Kumpulan Wang," dalam nota birai dengan perkataan-perkataan "Pentadbiran dan penggunaan Kumpulan Wang."; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dikawal oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada" dengan perkataan-perkataan "ditadbir mengikut".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 untuk memasukkan takrif baru "Jawatankuasa" berbangkit daripada pemasukan seksyen baru 48A ke dalam Akta.
3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 48 untuk membolehkan Kerajaan menyumbangkan wang ke dalam Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba.
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 48A untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengawal Kumpulan Wang Kebajikan Perkhidmatan Bomba, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 49 berbangkit daripada pemasukan seksyen baru 48A ke dalam Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan di dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²)1599.]